

TEKS UCAPAN
YBRS. PROFESOR DR. AHMAD TAUFEEK ABDUL
RAHMAN
REKTOR UiTM CAWANGAN SELANGOR

SEMPENA
PERASMIAN KURSUS PEMIMPIN MINGGU
DESTINI SISWA
SESI OKTOBER 2025 - FEBRUARI 2026

20 SEPTEMBER 2025 | SABTU | 10.30 PAGI
DEWAN ANGGERIK SARI
PLAZA SATELIT B
UiTM CAWANGAN SELANGOR
KAMPUS PUNCAK ALAM

Terima kasih Pengacara Majlis



**ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN
WASOLATU WASALAMU ALA ASYRAFIL
ANBIYAI WAL MURSALIN WA ALA ALIHI
WASOHBIHI AJMAIN**

YBrs. Dr. Suraya Ika Tamrin
Ketua Unit Kepimpinan Pelajar

Saudara Muhammad Iman Zulkifli
Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar
UiTM Cawangan Selangor Sesi 2024/2025

Saudari Nur Ernie Suzianie Abd Munir
Pengarah Program Kursus Pemimpin Minggu Destini
Siswa (KPMDS) Sesi Oktober 2025 - Februari 2026

Barisan Majlis Perwakilan Pelajar

Sekretariat Majlis Perwakilan Pelajar

serta Pemimpin Mahasiswa yang dikasihi sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya, kita dapat bersama-sama hadir pada pagi yang penuh bermakna ini bagi menjayakan **Majlis Perasmian Penutupan Kursus Pemimpin Minggu Destini Siswa (KPMDS) Sesi Oktober 2025 - Februari 2026.**
2. Saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah kepada pihak penganjur, khususnya

Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan Majlis Perwakilan Pelajar UiTM Cawangan Selangor, atas usaha dan komitmen dalam merealisasikan kursus ini yang berlangsung selama 5 hari.

3. Saya difahamkan, kursus ini telah menghimpunkan seramai **150 orang Pemimpin Mahasiswa** bersama **23 orang barisan Majlis Perwakilan Pelajar** bagi membina dan memperkukuh kompetensi kepimpinan dalam kalangan mahasiswa.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

4. Objektif utama program ini adalah untuk melahirkan barisan pemimpin pelaksana yang berkaliber dan berdisiplin dalam menguruskan Minggu Destini Siswa.

5. Selain memberi pendedahan tentang aspek protokol, komunikasi, dan pengendalian pelajar baharu secara profesional, saya yakin kursus ini turut berjaya memperkukuh kemahiran insaniah peserta, khususnya dalam kerja berpasukan, kepimpinan, komunikasi berkesan, serta keupayaan menyelesaikan masalah.
6. Segala yang kita laksanakan ini tidak lain adalah untuk melahirkan pemimpin mahasiswa yang lebih matang, berwawasan, dan berani memikul tanggungjawab demi masa depan universiti serta negara.
7. Saya berharap segala ilmu, pengalaman, dan semangat yang diraih sepanjang kursus ini akan menjadi bekal berharga untuk saudara-saudari menguruskan Minggu Destini Siswa dengan lebih

tersusun, berkesan, dan penuh iltizam –
InsyaAllah.

Para hadirin yang saya kasihi sekalian,

8. Dalam era yang penuh cabaran ini, ilmu sahaja tidak mencukupi. Pelajar UiTM perlu dilengkapi dengan kemahiran insaniah termasuk kebolehan berkomunikasi dengan yakin, bekerja dalam pasukan, berfikir secara kreatif, dan menjadikan integriti sebagai asas dalam setiap langkah.
9. Hasrat ini juga selaras dengan agenda Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), iaitu memastikan para graduan bukan sahaja berdaya saing, malah mampu menguasai teknologi digital, berfikir secara kritis, dan bersedia menghadapi cabaran di pentas global.

10. Justeru, UiTM sentiasa komited melahirkan graduan yang seimbang, bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik, tetapi juga memiliki jati diri yang kukuh, akhlak yang mulia, serta kepimpinan yang berkesan.

11. Sebagai mahasiswa UiTM, saya berharap anda sedar bahawa tanggungjawab anda bukan hanya untuk menuntut ilmu demi diri sendiri, tetapi juga untuk memberi manfaat kepada keluarga, masyarakat, dan negara.

12. Anda semua adalah jambatan ilmu yang membawa pengetahuan, idea, dan inovasi dari universiti untuk dimanfaatkan oleh komuniti. Inilah peranan sebenar seorang mahasiswa yang bergelar pemimpin.

13. Saya berharap melalui kursus ini, anda semua akan lahir sebagai pemimpin yang berani, yakin, dan berdisiplin, iaitu pemimpin yang mampu memimpin diri sendiri sebelum memimpin orang lain.

14. Ingatlah bahawa kepimpinan bukan satu keistimewaan, tetapi satu amanah.

15. Justeru, izinkan saya tinggalkan tiga pesanan:

- pertama, sentiasalah menuntut ilmu dan menggunakannya untuk kebaikan;
- kedua, amalkan kejujuran dan amanah dalam setiap tindakan;
- dan ketiga, gunakanlah ilmu kepimpinan yang diperolehi bagi manfaat kepada orang lain.

16. Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada semua yang telah menjayakan kursus ini.

17. Semoga segala pengalaman dan pengajaran yang diperoleh menjadi panduan berharga sepanjang pengajian di UiTM, serta bekalan bermakna dalam meniti kehidupan selepas tamat pengajian.

Burung merpati terbang sekawan,
Hinggap sebentar di dahan sena;
Ilmu ditimba sepanjang zaman,
Menjadi pemimpin harapan negara.

18. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan **Penutupan Kursus Pemimpin Minggu Destini Siswa**

(KPMDS) bagi Sesi Oktober 2025.

Sekian,

**Wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh.**